



2 Januari 2018

KENYATAAN MEDIA

**PEMBATALAN PENGENAAN CAJ PENTADBIRAN SEBANYAK RM 3 YANG
DIKENAKAN KE ATAS PEMBELIAN TIKET FERI PENUMPANG DARI KAUNTER-
KAUNTER DI TERMINAL FERI KUALA KEDAH, KUALA PERLIS DAN KUAH,
LANGKAWI**

PELABUHAN KLANG – Jabatan ini merujuk kepada caj pentadbiran sebanyak RM 3 yang dikenakan ke atas pembelian tiket feri penumpang bagi perjalanan di antara Kuala Kedah/Pulau Langkawi dan bagi perjalanan di antara Kuala Perlis/Pulau Langkawi, yang dibuat melalui kaunter tiket di Terminal Feri Kuala Kedah, Kuala Perlis dan Kuah, Pulau Langkawi oleh pengusaha-pengusaha feri penumpang pada 1 Januari 2018.

Memandangkan bahawa pengenaan caj pentadbiran tersebut adalah tidak selaras dengan kadar harga tiket feri penumpang yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, pihak Jabatan Laut Malaysia telah mengarahkan supaya pengusaha-pengusaha feri penumpang membatalkan kutipan caj pentadbiran tersebut secara serta-merta mulai 1 Januari 2018.

Orang ramai yang membeli tiket feri penumpang di kaunter-kaunter tiket di Terminal Feri Kuala Kedah, Kuala Perlis dan Kuah, Langkawi adalah dinasihatkan supaya tidak membayar caj pentadbiran sebanyak RM 3 tersebut dan hanya membayar kadar tambang feri penumpang yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia seperti berikut :

KUALA KEDAH DARI/KE KUAH, PULAU LANGKAWI	KUALA PERLIS DARI/KE KUAH, PULAU LANGKAWI
RM 23 (Dewasa) RM 17 (Kanak-kanak)	RM 18 (Dewasa) RM 13 (Kanak-kanak)

Sekian, terima kasih.

(DATO' HAJI BAHARIN BIN DATO' ABDUL HAMID)

Ketua Pengarah,

Jabatan Laut Malaysia

☎ : 03-33467601 / 0192397878

📠 : 03-31685289

✉ : baharin@marine.gov.my

“Ke Arah Negara Kelautan Elektronik”
“Towards e-Maritime Nation”

